

Tiada bayaran khidmat Skim Mikro Kredit

UM 22 JUL 2003

KOTA KINABALU 21 Julai — Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Ng Yen Yen berkata, usahawan yang memohon pinjaman Skim Mikro Kredit tidak perlu membayar sebarang bayaran perkhidmatan.

Sebaliknya, jelas beliau, mereka yang memohon pinjaman sehingga RM20,000 daripada Bank Simpanan Nasional (BSN) hanya perlu mempunyai mentor sebagai 'jaminan moral'.

Katanya, beliau memberi peringatan itu selepas diberitahu mereka yang mahu meminjam daripada skim itu di Sabah dikenakan 'yuran perundangan' sehingga RM3,500 oleh orang tengah untuk memastikan pinjaman mereka diluluskan.

"Saya mahu menyatakan dengan jelas di sini iaitu tiada sebarang bayaran dikenakan dalam Skim Mikro Kredit," katanya yang juga Ketua Wanita MCA.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas

melancarkan Biro Perkhidmatan Wanita MCA di Luang yang di sini hari ini.

Skim yang dilancarkan pada 3 Jun lalu itu menyediakan pinjaman maksimum RM20,000 kepada individu dengan kadar faedah empat peratus setahun.

Program Mikro Kredit yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 21 Mei lepas menyediakan peruntukan RM500 juta kepada BPM selain RM200 juta untuk Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

BSN pula menyediakan peruntukan RM300 juta khusus bagi membiayai projek bukan pertanian.

Yen Yen berkata, berdasarkan pertemuan dengan beberapa wakil pertubuhan sosial dan perniagaan dalam lawatan lima-harinya ke Sabah, didapati terdapat kekeliruan mengenai program pinjaman itu.

Katanya, BSN menerima permohonan yang begitu

banyak termasuk yang disahkan oleh 'ketua-ketua kampung' sehinggalah Yang Berhormat', tetapi pemohon tersebut tidak mempunyai mentor.

"Daripada jumlah peruntukan (BSN) sebanyak RM300 juta setakat ini, hanya RM1.6 juta pinjaman telah dikeluarkan," jelasnya.

Yen Yen berkata, mereka yang diberi pinjaman untuk mengusahakan perniagaan kecil-kecilan dapat membayar pinjaman masing-masing mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

"Adalah sesuatu yang merbahaya jika mereka berfikiran boleh melambatkan membayar balik pinjaman tersebut."

"Kerajaan juga mungkin terpaksa menyemak semula masa depan skim itu jika kadar pembayaran balik pinjamannya adalah sangat rendah," tambahnya.